

SULIT  
3757/1  
EKONOMI ASAS  
KERTAS I  
SEMESTER 2  
2008

**SMK BAHANG**  
**PETI SURAT 352, 89507 PENAMPANG**

---

**PEPERIKSAAN SEMESTER KEDUA 2008**

---

**EKONOMI ASAS TINGKATAN EMPAT**

**KERTAS 1**

**SATU JAM LIMA BELAS MINIT**

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

**MAKLUMAT UNTUK CALON**

1. *Kertas soalan ini mempunyai 6 muka surat bercetak.*
2. *Kertas ini mengandungi 40 soalan aneka pilihan.*
3. *Jawab semua soalan .*

Disediakan Oleh

Disemak Oleh

.....  
(TING PICK KIENG)

.....  
(ABDUL HALIM ABDUL WAHAB)  
Ketua Panitia Ekonomi Asas,  
Perdagangan & Prinsip Akaun

Disahkan Oleh

.....  
(SUHAIMI MOHD. SAID)  
Ketua Bidang Teknik & Vokasional  
SMK Bahang Penampang

# PEPERIKSAAN SEMESTER PERTAMA EKONOMI ASAS TINGKATAN EMPAT KERTAS 1

Arahan: Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan. Pilih satu jawapan yang betul atau paling sesuai.

01. Gambar 1 menunjukkan kehendak Fadzil mengikut pilihan keutamaan.



Gambar 1

Jika dia memilih buku ulang kaji, kos lepasnya ialah

- A. baju
- B. raket tenis
- C. jam tangan
- D. buku ulang kaji

02. Syarikat Saji Sdn. Bhd. memiliki sumber yang terhad untuk mengeluarkan peti sejuk dan penghawa dingin.

Kombinasi keluaran	Peti sejuk (unit)	Penghawa dingin (unit)
O	0	100
P	10	80
Q	20	40
R	30	0

Jadual 1

Jika kombinasi keluaran berubah dari O ke Q, berapakah kos lepas untuk mengeluarkan 20 unit peti sejuk?

- A. 20 unit peti sejuk
- B. 40 unit penghawa dingin
- C. 60 unit penghawa dingin
- D. 20 unit penghawa dingin

03. Sebuah firma dalam sistem ekonomi kapitalis ingin mengeluarkan sejenis barang yang menguntungkan. Apakah panduan yang boleh membantu firma tersebut untuk membuat keputusan?

- A. Corak perbelanjaan pengguna
- B. Keputusan pengeluar
- C. Kehendak kerajaan
- D. Kualiti barang

04. Apakah tujuan sesebuah kerajaan dalam sistem ekonomi campuran membuat pilihan apabila melaksanakan sesuatu projek?

- A. Meminimumkan kos pengeluaran.
- B. Memaksimumkan kepuasan pengguna.
- C. Memaksimumkan kebajikan masyarakat.
- D. Mengikut keutamaan dan dilaksanakan apabila perlu.

05. Maklumat di bawah menerangkan pengeluar dalam suatu sistem ekonomi.

Pengeluar bertanggungjawab mengeluarkan barang tetapi mereka tidak perlu bersaing dengan firma lain.

Pihak yang manakah membuat keputusan dalam sistem ekonomi di atas?

- A. Pemilik faktor
- B. Pengguna
- C. Pengeluar
- D. Kerajaan

06. Antara berikut, yang manakah BUKAN faktor utama pemilihan pekerjaan seseorang individu?

- A. Minat
- B. Upah wang
- C. Upah bukan wang
- D. Keselesaan tempat kerja

07. Antara berikut, yang manakah faktor mendorong individu bekerja dengan orang lain?

- A. Bebas membuat keputusan
- B. Mempunyai waktu bekerja yang tetap
- C. Berani menghadapi risiko perniagaan
- D. Menerima untung yang berlipat ganda

08. Berikut adalah item yang dikira dalam potongan wajib untuk memperoleh pendapatan boleh guna KECUALI

- A. caruman KWSP
- B. cukai pendapatan
- C. caruman PERKESO
- D. premium insurans nyawa

09. Maklumat di bawah berkaitan dengan kos dan hasil yang diterima oleh Encik Gopal.

Kos per unit	RM5.70
Jumlah keluaran	100 unit
Jumlah hasil jualan	RM620


Berapakah keuntungan yang diperoleh oleh Encik Gopal?

- A. RM50.00      B. RM570.00  
C. RM614.30    D. RM620.00

10. Antara berikut, yang manakah tujuan sebenar seseorang individu membuat pinjaman?

- I Untuk menambahkan harta  
II Untuk menambahkan stok modal  
III Untuk menampung perbelanjaan semasa kecemasan  
IV Untuk menangguhkan perbelanjaan sekarang
- A. I, II dan III  
B. I, II dan IV  
C. I, III dan IV  
D. II, III dan IV

11. Rajah 1 menunjukkan keluk permintaan individu bagi barang X.




Rajah 1

Antara berikut, yang manakah boleh dikaitkan dengan rajah di atas?

- I Pada harga RM4.50, kuantiti X yang diminta ialah 35 unit ditunjukkan oleh titik D  
II Semakin tinggi harga semakin kurang kuantiti diminta  
III Keluk permintaan dapat dibentuk apabila titik A dan D disambung terus antara satu sama lain  
IV Keluk permintaan mencerun ke bawah dari kiri ke kanan menunjukkan hubungan terus antara harga dengan kuantiti diminta
- A. I dan II

- B. I dan IV  
C. II dan III  
D. III dan IV

12. Pergerakan titik A ke B dalam Rajah 2 disebabkan oleh suatu penentu permintaan.



Rajah 2

Apakah penentu permintaan di atas?

- A. Cita rasa pengguna bertambah  
B. Kenaikan harga barang lain  
C. Kenaikan harga barang itu  
D. Kenaikan pendapatan individu

13. Maklumat di bawah menerangkan barang X.

Barang X adalah barang yang dibeli bagi tujuan kemegahan. Semakin tinggi harga barang X, semakin banyak kuantiti barang X akan diminta.

Barang X yang dimaksudkan merujuk kepada

- A. barang mewah.  
B. barang bawahan.  
C. barang pengganti.  
D. barang penggenap.

14. Jadual 2 menunjukkan kuantiti permintaan terhadap tiga jenis barang pada pelbagai tingkat harga.

Harga (RM)	Kuantiti beras diminta (kg)	Kuantiti durian diminta (kg)	Kuantiti baja diminta (kg)
5.00	20	40	40
6.00	18	30	32
7.00	15	20	24

Jadual 2

Jika harga naik dari RM5.00 kepada RM6.00, maka jenis keanjalan harga permintaan bagi ketiga-tiga jenis barang di atas ialah

	Beras	Durian	Baja
--	-------	--------	------

A.	Tak anjal	Anjal	Anjal
B.	Tak anjal	Anjal	Anjal uniti
C..	Anjal	Tak anjal	Anjal uniti
D.	Anjal	Tak anjal	Tak anjal

2

15. Keputusan yang dibuat oleh sesebuah firma adalah berdasarkan

- I untung yang maksimum
- II kos sosial yang minimum
- III kos pengeluaran yang minimum
- IV kebajikan masyarakat yang maksimum

- A. I dan III
- B. I dan IV
- C. II dan III
- D. II dan IV

16. Antara berikut, yang manakah BUKAN kegiatan pengeluaran dalam aktiviti ekonomi?

- A. Syarikat Pengangkutan Cahaya menghantar barang kepada pelanggannya.
- B. Encik Farid membeli baju raya untuk anaknya.
- C. Puan Sabariah menjual nasi lemak pada setiap pagi.
- D. Encik Chong seorang broker saham.

17. Jadual 3 menunjukkan keluaran purata sebuah firma.

Bilangan buruh(orang)	Keluaran purata (kg)
22	140
27	130

Jadual 3

Berapakah keluaran sut untuk buruh yang ke-27?





- A. 5 kg
- B. 10 kg
- C. 86 kg
- D. 430 kg

18. Jadual 4 menunjukkan kuantiti penawaran kasut pada pelbagai tingkat harga.

Harga (RM)	Kuantiti ditawarkan (pasang)
40	4
50	6
60	8
70	10

Jadual 4

Antara berikut, rajah yang manakah boleh dikaitkan dengan jadual di atas?



19. Antara berikut, yang manakah menerangkan perubahan penawaran?

- I Disebabkan oleh faktor harga barang itu
- II Disebabkan oleh faktor selain harga barang itu
- III Menyebabkan pergerakan di sepanjang keluk penawaran yang sama
- IV Menyebabkan peralihan keluk penawaran ke kiri atau ke kanan

- A. I dan III
- B. I dan IV
- C. II dan III
- D. II dan IV

20. Hitungkan pendapatan boleh guna Encik Ramlee jika pendapatan tahunannya ialah

RM35 000 manakala potongan wajibnya ialah 15% daripada pendapatannya.

- A. RM5 250
- B. RM29 750
- C. RM35 000
- D. RM40 250

21. Kenaikan harga tepung sebanyak 20% telah menyebabkan permintaan jatuh sebanyak 15%. Berapakah nilai keanjalan harga permintaan tepung?

- A. 0.75
- B. 1.33
- C. 1.50
- D. 2.00

3

22. Maklumat di bawah menerangkan hubungan antara harga bateri dengan kuantiti permintaan kamera digital.

Apabila harga bateri meningkat, permintaan terhadap kamera digital berkurangan.

Bateri dan kamera digital adalah

- A. barang keperluan
- B. barang kehendak
- C. barang penggenap
- D. barang pengganti

23. Jadual 5 menunjukkan kos berubah bagi Firma Andalas.

Keluaran (unit)	Kos berubah (RM)
10	500
20	700
30	875
40	900

Jadual 5

Andaikan kos tetap Firma Andalas adalah RM500, pada tingkat keluaran berapakah kos purata paling rendah?

- A. 10 unit
- B. 20 unit
- C. 30 unit
- D. 40 unit

24. Hasil kajian Encik Sim terhadap sumber pendapatan isirumah di Kampung Aman adalah seperti berikut:

Pekerjaan	Peratus (%)
Kakitangan awam	25
Pekebun sayur	20
Penternak ayam	8
Pekerja kilang baju	30
Peruncit	3
Pesara	5
Pemborong pertanian	9

Berapakah peratus penduduk kampung tersebut yang bekerja dengan orang lain?

- A. 40%
- B. 45%
- C. 55%
- D. 60%

25. Seseorang individu boleh mendapatkan pinjaman dari sumber berikut KECUALI

- A. bank perdagangan
- B. syarikat kewangan
- C. saudara-mara
- D. banksaudagar

26. Jadual 6 menunjukkan hubungan antara harga barang dengan kuantiti yang diminta.

Harga seunit (RM)	Kuantiti barang diminta (unit)
10	100
11	90
12	80
13	85
14	70
15	50
16	30

Jadual 6

Antara perubahan harga barang berikut, yang manakah menunjukkan pergerakan yang bercanggah dengan hukum permintaan?

- A. Dari RM11 ke RM12
- B. Dari RM12 ke RM13
- C. Dari RM13 ke RM14
- D. Dari RM15 ke RM16

27. Maklumat di bawah menerangkan hubungan antara barang X dengan barang Y.

Apabila harga barang Y meningkat, kuantiti barang X diminta akan berkurangan

Apakah kemungkinan barang X dan Y?

- A. Teh dan kopi
- B. Gula dan garam
- C. Kamera dan filem
- D. Komputer peribadi dan televisyen

28. Jadual 7 menunjukkan permintaan terhadap sejenis kereta tempatan bagi tempoh tiga tahun.

Tahun	Kuantiti (unit)
-------	-----------------

2006	300
2007	250
2008	175

Jadual 7

Apakah yang menyebabkan perubahan permintaan tersebut?





- I Kejatuhan harga barang pengganti
  - II Bertukarnya cita rasa pengguna
  - III Pertambahan pendapatan isirumah
  - IV Tindakan kerajaan menaikkan cukai kereta import
- A. I dan II
  - B. I dan IV
  - C. II dan III
  - D. III dan IV

4


29. Faktor di bawah boleh menyebabkan perubahan dalam permintaan barang X.

- Harga barang X dijangka menurun pada masa depan
- kerajaan mengurangkan bonus kakitangan awam kepada setengah bulan

Keluk yang manakah menunjukkan perubahan permintaan bagi barang X?



30. Rajah 3 menunjukkan keluk permintaan suatu barang.



Rajah 3

Tafsirkan nilai pekali keanjalan harga permintaan bagi barang tersebut.

- A. Apabila harga naik sebanyak 50% menyebabkan kuantiti diminta jatuh sebanyak 20%.
- B. Apabila harga naik sebanyak 50% menyebabkan kuantiti diminta naik sebanyak 20%.

- C. Apabila kuantiti diminta naik sebanyak 20% menyebabkan harga naik sebanyak 50%.
- D. Apabila kuantiti diminta turun sebanyak 20% menyebabkan harga naik sebanyak 50%.

31. Jadual 8 menunjukkan harga barang X dan kuantiti yang ditawarkan.


Harga barang X	Kuantiti yang ditawarkan
RM1.00	100 unit
RM1.20	160 unit
RM2.40	175 unit

Jadual 8

Hitungkan keanjalan harga penawaran apabila tingkat harga berubah daripada RM1.00 kepada RM1.20.

- A. 0.25  
B. 2.50  
C. 3.00  
D. 2.60
32. Faktor yang manakah akan menyebabkan permintaan terhadap motosikal menurun secara mendadak?
- I Harga petrol telah meningkat  
II Cukai motosikal import dinaikkan  
III Pendapatan boleh guna individu merosot  
IV Kadar faedah skim sewa beli dikurangkan
- A. I dan III  
B. I dan IV  
C. II dan III  
D. II dan IV

33. Rajah 4 menunjukkan pergerakan X ke Y di sepanjang keluk permintaan (DD).



Rajah 4

5

Apakah faktor yang menyebabkan pergerakan dari X ke Y?

- A. Penurunan harga barang itu  
B. Penurunan harga barang pengganti  
C. Kenaikan harga barang penggenap

- D. Penurunan harga barang lain

34. Penurunan harga kasut Reebok sebanyak 8% telah menyebabkan permintaan meningkat sebanyak 12%. Berapakah nilai keanjalan harga permintaan kasut tersebut?

- A. 0.67  
B. 0.80  
C. 1.20  
D. 1.50

35. Antara faktor berikut, yang manakah TIDAK dapat mempengaruhi kuantiti penawaran?

- A. Dasar kerajaan  
B. Harga faktor  
C. Harga barang itu  
D. Cita rasa pengguna

36. Keluk permintaan mempunyai kecerunan negatif dari kiri ke kanan kerana

- A. hubungan antara harga barang dengan kuantiti diminta adalah langsung.  
B. hubungan antara harga barang dengan kuantiti diminta adalah songsang.  
C. hubungan antara harga barang dengan kuantiti diminta adalah tidak menentu.  
D. hubungan antara harga barang dengan tingkat pendapatan adalah negatif.

37. Jadual 9 menunjukkan kos pengeluaran Syarikat Seri.

Keluaran (unit)	Jumlah kos (RM)
0	100
1	180
2	250
3	300
4	340

Jadual 9

Hitungkan kos berubah bagi keluaran 4 unit.

- A. RM40  
B. RM85  
C. RM240  
D. RM340

38. Firma X berminat untuk mengeluarkan tayar kenderaan. Antara berikut, yang manakah faktor-faktor yang menentukan bilangan tayar yang akan dikeluarkan oleh firma tersebut?

- I Tingkat teknologi  
II Tingkat harga pasaran  
III Tingkat pendapatan pengguna

IV Tingkat kecekapan pengeluaran

- A. I, II dan III
- B. I, II dan IV
- C. I, III dan IV
- D. II, III dan IV

39. Jadual 10 menunjukkan pekali keanjalan harga penawaran bagi barang P dan Q.

Barang	Pekali keanjalan harga penawaran
P	3
Q	1

Jadual 10

Apakah jenis pekali keanjalan bagi barang P dan barang Q?

	Barang P	Barang Q
A.	Anjal	Anjal satu
B.	Tidak anjal	Anjal
C.	Anjal	Tidak anjal
D.	Anjal satu	Anjal

40. Harga penawaran suatu barang berubah daripada RM5 kepada RM6 menyebabkan kuantiti penawaran barang tersebut meningkat daripada 1 000 unit kepada 1 500 unit. Berapakah pekali keanjalan harga penawaran barang tersebut?

- A. 0.4
- B. 0.5
- C. 2.0
- D. 2.5



## KERTAS SOALAN TAMAT

### **JAWAPAN:**

- 01.
- 02.
- 03.
- 04.
- 05.
- 06.
- 07.
- 08.
- 09.
- 10.
- 11.
- 12.
- 13.
- 14.
- 15.
- 16.
- 17.
- 18.
- 19.
- 20.

